1103/2

Bahasa Melayu Kertas 2 November 2022

$2\frac{1}{2}$ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2022

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak.

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2022
MARKAH PENUH: 100 MARKAH
Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:
Soalan 1: **8** markah
Soalan 2: **8** markah
Soalan 3: **7** markah
Soalan 4: **6** markah
Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata nama am** yang betul (calon hanya perlu menyenaraikan **empat kata nama am** daripada petikan).
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata nama am tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Nama Am	Maksud
kajian	1. kegiatan (usaha, proses) mengkaji; ~ kes kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dsb) berdasarkan data, maklumat dsb terperinci yg dikumpulkan dlm jangka masa tertentu; 2. = pengajian;
penguasaan	1. Hal atau perbuatan menguasai atau menguasakan: *Hak milik dan penguasaan thp tanah dalam kalangan orang Melayu telah bertambah. Penguasaan bahasa sendiri sangat penting bagi penterjemah.*
bahasa	1. sistem lambang bunyi suara yg digunakan sbg alat perhubungan dlm sesuatu kelompok manusia utk melahirkan perasaan dan fikiran: ~ Melayu; ~ Jawa.

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

	2. kata-kata yg disusun menurut tatabahasa dan digunakan oleh seseorang dlm percakapan atau tulisan: Orang-orang drpd pelbagai kaum di Malaysia menggunakan ~ Melayu. 3. kelakuan yg baik: tak tahu ~ kurang ajar; tidak sopan. ~ asing bahasa yg bukan bahasa ibunda sendiri, yg dipelajari secara formal atau tidak formal. ~ badan cara berkomunikasi melalui gaya duduk, berjalan, mimik muka dsb, bukan melalui pertuturan. ~ baku ragam bahasa yg diakui betul dan diterima oleh penutur aslinya yg terdidik dlm bahasa bkn (ditandai oleh bentuk kata dan ayat yg mengikut kaedah tatabahasa dan digunakan dlm perhubungan rasmi, tulisan ilmiah atau perbicaraan umum). ~ basahan bahasa yg digunakan sehari-hari dlm keadaan tidak rasmi. ~ dalam kata-kata atau bahasa yg biasa digunakan di kalangan raja-raja (spt santap, gering, dan mangkat). ~ halus kata-kata atau bahasa yg sopan yg digunakan dlm pertuturan atau tulisan (spt bersalin, hamil, dan meninggal dunia). ~ ibu (ibunda) bahasa yg pertama sekali dikuasai oleh seseorang dan digunakan utk berhubungan dgn keluarga dan lingkungannya. ~ kasar kata-kata atau bahasa yg tidak sopan yg digunakan dlm pertuturan atau tulisan (spt mampus dan melahap). ~ kebangsaan bahasa yg diterima dan digunakan oleh rakyat sesebuah negara sbg alat perhubungan dan juga menjadi kebanggaan negara. ~ lisan ragam bahasa yg digunakan dlm pertuturan, iaitu sewaktu bercakap. ~ moden bahasa yg masih hidup dan berkembang serta digunakan hingga kini, mis bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. ~ pasar ragam bahasa Melayu yg tidak betul jalan bahasanya (terutamanya spt yg dituturkan oleh orang asing yg tidak tahu akan kaedah bahasa Melayu). ~ pengantar bahasa yg digunakan utk berhubung dlm mesyuarat, dlm pemberian pelajaran di sekolah dsb. ~ penyatu bahasa yg memainkan peranan penting dlm menyatukan masyarakat, terutamanya masyarakat yg berbilang kaum, budaya, agama dsb. ~ persuratan bahasa yg digunakan dlm penulisan dan dlm karya kesusasteraan. ~ rasmi bahasa yg digunakan dlm perhubungan rasmi kerajaan sesebuah negara. ~ tulis (tulisan, surat) ragam bahasa spt yg digunakan dlm karangan-karangan bertulis (sbg lw bahasa lisan).
otak	1. organ di bahagian atas kepala, yg mengawal pemikiran (perasaan), benak; 2. alat berfikir, fikiran: terlintas di ~ku kejadian-kejadian ngeri itu; ~ ayam bodoh; ~ minyak pandai; ~ telur bodoh; ~ udang bodoh; kepala ~ bk sj makian; kerja ~ kerja yg menggunakan fikiran; picik ~ sempit fikiran; ~ batu kepala sl kepala (dlm percakapan dgn raja dll); ~ telur, bukan ~ minyak prb perihal seorang yg bodoh

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

bahagian	1. hasil drpd membahagi: dibahagikan kpd tiga ~; 2. penggal (buku, cerita, dll): ~ terakhir buku itu tidak menarik; 3. hak atas barang yg dibahagi, habuan: ~ saya belum saya terima lagi; 4. sesuatu (benda, alat, dll) yg menyempurnakan barang yg lain: ~ tubuh; 5. unit dlm sesuatu jabatan (syarikat dll) yg menjalankan fungsi tertentu: ~ kewangan; 6. untung nasib: setiap hamba mempunyai ~nya masing-masing;
hal	1. keadaan, kejadian, peristiwa: kita dapat mengetahui ~ keadaan di sekeliling kita dgn lima pancaindera kita; demikianlah ~nya (dgn) demikianlah keadaannya (dgn); lain ~ nya (dgn) lain keadaannya (dgn); 2. masalah, perkara, soal, urusan: ia tidak ada masa utk memikirkan ~ orang lain; pertanyaan itu biasanya mengenai ~ yg kurang difahami; seorang yg ahli dlm ~ bank; 3. asal mula, kerana, sebab: apa pula ~nya maka ia lambat datang; oleh ~ itu oleh sebab itu; 4. = tentang ~ tentang, mengenai, darihal, perihal: ~ makanan binatang akan kita bicarakan nanti; majlis ceramah ~ pembangunan masyarakat luar bandar; 5. sl daya, fikiran, ikhtiar, muslihat, dll: apalah ~ku hendak berjumpa dgn suamiku: jikalau ia datang, apa ~ kita? 6. halangan: risiko dan kos tenteranya dlm peperangan tidak menjadi ~; 7. perkara: dlm ~ ini, mungkin terdapat perselisihan berhubung dgn matlamat dasar luar negara; ~ ehwal berbagai-bagai hal (keadaan, perkara, dll); ada ~ ada sesuatu (yg terjadi, yg akan dibicarakan, dll); ambil ~ mempedulikan; membawa ~ (masing- masing) dgn urusan sendiri-sendiri; tidak jadi ~ tidak apa-apa (tidak keberatan dll);
karakter	1. sifat (ciri) perwatakan yg membezakan seseorang drpd yg lain; 2. huruf, nombor, simbol, atau tanda baca, mis a ialah satu karakter, aksara.
kelebihan	1. sesuatu sifat yg lebih drpd kebiasaan, keistimewaan: Sayidina Ali ialah sahabat Rasulullah yg mempunyai banyak ~ dan sifat-sifat yg teristimewa; 2. bilangan yg berlebih, bilangan yg lebih banyak: beliau telah menang dlm pilihan raya itu dgn mendapat ~ undi; 3. = lebihan yg berlebih, bakinya, sisanya

[Maksimum: 8 markah]

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Soalan 2 – Sintaksis

(i) Tidak boleh dipandang remeh cabaran yang diharungi *(oleh)* pegawai Institut Sukan Negara (ISN). [2 *m*]

(ii) Bukanlah mudah tugas seorang doktor perubatan ISN. [2 *m*]

(iii) Tidak seperti doktor perubatan di klinik atau di hospital bidang tugas golongan ini. [2 *m*]

(iv) Perlu turun padang memberikan perkhidmatan kepada atlet dan pasukan negara mereka. [2 *m*]

Perlu turun padang memberikan perkhidmatan mereka kepada atlet dan pasukan negara.

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

laju	-	pesat
perbuatan	-	pembuatan
pasca-modenisasi	-	pascamodenisasi
Di	-	Pada

[Maksimum: 4 markah]

Bahan 2

diterokai oleh kita	-	kita terokai
senibina	-	seni bina
lain kata	-	kata lain

[Maksimum: 3 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat *masih* gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat *kurang* gramatis	3
Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat *kurang* gramatis	2
Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat *tidak* gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi **tidak** mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sultan Muzaffar Syah tidak mahu tunduk kepada Benua Siam.

Raja Benua Siam terlalu marah lalu menyuruh Panglima yang bernama Awi Cakri bersiap sedia untuk menyerang Melaka. Panglima Awi Cakri membawa terlalu ramai rakyatnya.

Ada orang menyembahkan perkara berkenaan kepada Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang bernama Awi Cakri, membawa ramai rakyat mereka berjalan melalui jalan darat terus ke hulu Pahang.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

(i) Bagai tikus membaiki labu [2 *m*]

(ii) Bagai kacang lupakan kulit/ bagai ulat lupakan daun [2 *m*]

(iii) Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga/ [2 *m*]
Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

[Maksimum: 6 markah]

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Bahagian B: Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: **12** markah

Soalan 7: **13** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis.	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup.	
Jawapan salah.	0

ii. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugasan/ ayat gramatis.	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugasan/ ayat *kurang* gramatis.	2
Isi **tidak** cukup/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis.	
Isi **tidak** cukup/ tidak menyentuh semua bahan.	1
Jawapan salah.	0

iii. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugasan/ ayat gramatis.	4
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugasan/ ayat *kurang* gramatis.	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat *kurang* gramatis.	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat *kurang* gramatis.	1
Jawapan salah.	0

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Soalan 6 – Pemahaman

(i) Maksud *menanggung kecaman* ialah...

- menahan/ menghadapi/ menempuh kritikan/ cercaan/ celaan/ hinaan/ tohmahan/ kutukan [2*m*]
- menahan/ menghadapi/ menempuh kecaman [1*m*]
- menanggung kritikan/ cercaan/ celaan/ hinaan/ tohmahan/ kutukan [1*m*]

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2 kesan-kesan** yang dihadapi oleh mangsa buli ialah...

Bahan 1

P1- trauma sekali gus mengakibatkan gangguan kesihatan mental [1*m*]
P2- merasakan diri mereka tidak berdaya [1*m*]
P3- terperangkap dengan memori dibuli [1*m*]

[Isi cukup: 1 isi]

Bahan 2

P1- berasa rendah diri [1*m*]
P2- mengalami tekanan psikologi [1*m*]
P3- kemurungan [1*m*]
P4- gangguan mental [1*m*]

[Isi cukup: 1 isi]

[Maksimum: 3 markah]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

(iii) Pada pendapat saya, punca-punca yang menyebabkan kejadian seumpama ini berlaku ialah...

P1- pembuli kurang mendapat kasih sayang/ perhatian yang cukup daripada keluarga [1*m*]
P2- pembuli tidak mendapat didikan agama yang secukupnya [1*m*]
P3- ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu [1*m*]
P4- pengalaman peribadi akibat dibuli [1*m*]
P5- pengaruh media massa [1*m*]
P6- penguatkuasaan disiplin yang longgar di sekolah [1*m*]

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

(iv) Saya dapat membantu sepupu saya untuk mengatasi masalah buli siber yang dihadapinya ialah…

P1- saya akan membawa sepupu saya berjumpa dengan kaunselor [1*m*]

P2- saya akan memberikan kata-kata semangat/ nasihat kepada sepupu saya [1*m*]

P3- saya akan melaporkan hal ini kepada pihak yang berkenaan/ berkuasa [1*m*]

P4- saya akan mencadangkannya supaya memaklumkan kejadian itu kepada ibu bapa/ ahli keluarga/ orang terdekat/ guru dan rakan [1*m*]

P5- saya akan memintanya untuk memadamkan aplikasi/ akaun *Facebook* miliknya [1*m*]

P6- saya akan menasihatinya supaya tidak berkongsi/ memaparkan data peribadi/ aktiviti harian melalui aplikasi Facebook/ media sosial [1*m*]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

(i) Maksud *bagai kalung* ialah...

- persis/ seperti/ umpama/ laksana rantai [2*m*]
- persis/ seperti/ umpama/ laksana kalung [1*m*]
- bagai rantai [1*m*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nasib yang dialami oleh Nek Sinah dan penyajak ialah...

Bahan 1

P1- cuma orang gaji di rumah ini [1*m*]

P2- disuruh keluar dari bilik Aiman [1*m*]

Bahan 2

P1- sepi sepanjang malam [1*m*]

P2- tiada yang datang menjenguk [1*m*]

P3- sunyi hidup sendirian [1*m*]

P4- dilupakan oleh anak [1*m*]

P5- menanggung derita/ sakit seorang diri [1*m*]

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

(iii) Pada pendapat saya, peranan ibu bapa dalam menyemai amalan menghormati golongan tua dalam kalangan remaja ialah...

P1- menunjukkan contoh yang baik ketika melayani/ berhadapan dengan orang yang lebih tua [1*m*]

P2- menegur/ menasihati anak-anak yang tidak menghormati orang tua [1*m*]

P3- menerangkan sebab-sebab orang tua perlu dihormati kepada anak-anak [1*m*]

P4- memuji anak-anak yang menunjukkan sikap yang baik terhadap orang tua [1*m*]

P5- membawa anak-anak bergaul/ melawat/ menziarahi orang tua [1*m*]

(Peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Sebagai seorang abang/ kakak Aiman, nasihat yang boleh saya berikan kepada Aiman supaya dapat mengubah sikapnya ialah...

P1- menghormati orang yang lebih tua/ berpengalaman/ berilmu [1*m*]

P2- menghargai jasa mereka [1*m*]

P3- mengenang kembali pengorbanan mereka [1*m*]

P4- mengingatkan fitrah manusia bahawa suatu hari nanti kita juga akan tua [1*m*]

P5- bermuhasabah diri kerana kita tidak mampu hidup sendirian [1*m*]

P6- mengingatkan balasan yang akan diterima jika tidak menghormati orang tua [1*m*]

(Nasihat lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Soalan 8: Novel
Panduan pemarkahan bagi soalan novel

Soalan (i)
(i) Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
(ii) Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis.
(iii) Isi cukup tiga.

Jawapan soalan (i)
Cara untuk mengesan keberadaan Abang Rashid di rumah tersebut ialah...

P1-	bunyi berdehem	[1*m*]
P2-	batuk	[1*m*]
P3-	kayuhan basikal tua yang bising (yang sering dikayuhnya ke bangsal bendang)	[1*m*]
P4-	bunyi enjin kereta buruk (yang di parkir di halaman rumah)	[1*m*]

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)
(a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat yang gigih dengan betul.
(d) Beri 1 markah bagi peristiwa/ huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ contoh).
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(h) Calon tidak menjawab, 0 markah.
(i) Markah bahasa boleh melebihi markah isi.
I - 1 markah
B - 2 markah
J - 3 markah

[Maksimum: 6 markah]

[*Lihat halaman sebelah*
 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Jawapan soalan (ii)
Peristiwa yang menunjukkan masyarakat yang gigih.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Adnan yang gigih berusaha mencapai cita-cita menjadi seorang askar.	Adnan tetap bertekad dan gigih berusaha agar terpilih menjadi seorang askar walaupun ibu menasihatinya supaya menjadi seorang guru.
	Peristiwa Adnan dan askar-askar yang gigih berjuang demi mempertahankan kedaulatan tanah air.	Semasa Tanah Melayu diserang oleh askar Jepun, Leftenan Adnan dan askar-askar lain tetap gigih berjuang habis-habisan demi tanah air tercinta sehingga titisan darah terakhir. Perjuangan mereka penuh dengan kegigihan walaupun berdepan dengan pelbagai rintangan demi menegakkan maruah bangsa.
Tirani	Peristiwa Waheeda yang gigih berusaha mempertahankan kebahagiaan rumah tangganya.	Waheeda gigih mengharungi liku-liku yang manis dalam alam rumah tangganya bersama-sama dengan Zahid sehingga beroleh cahaya mata perempuan.
	Peristiwa Waheeda gigih dalam menempuh cabaran demi sebuah kejayaan.	Sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas, Waheeda Nurlyana telah berusaha dengan gigih untuk mengembangkan perniagaan dalam sektor pelancongan. Waheeda turut menyediakan pakej pelancongan berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan walaupun menerima saingan sengit daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Farisha yang gigih menimba ilmu pengetahuan.	Farisha gigih menimba ilmu dalam bidang perkomputeran. Farisha sanggup membeli tiket yang berharga RM2,500 untuk dia dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.
	Peristiwa Farisha yang gigih memajukan bidang perniagaan.	Farisha gigih mengusahakan perniagaan bersama-sama rakan kongsinya, Rosman. Mereka sanggup menerima projek-projek kecil untuk memastikan Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. terus maju.
Silir Daksina	Peristiwa Haiqal yang gigih mencari latar belakang keluarganya.	Haiqal gigih menjejaki kehidupan arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama. Haiqal sanggup pergi Batu Pahat seorang diri walaupun pertama kali menjejakkan kaki ke kampung halaman ayahnya semata-mata untuk mengenali arwah ayahnya dengan lebih mendalam.
	Peristiwa Abdullah Kayan yang gigih memperjuangkan seni bahasa dan budaya.	Abdullah Kayan gigih menghasilkan beberapa manuskrip. Beliau juga berusaha gigih untuk menghidupkan tarian zapin di Kampung Seri Purnama. Abdullah Kayan gigih melatih Swee Lin mendeklamasikan sajak dengan baik.

[*Lihat halaman sebelah*
 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Haji Abdul Rahman yang gigih mempertahankan rawatan tradisional dan ubatan herba.	Haji Abdul Rahman gigih mempertahankan rawatan tradisionalnya apabila Danel hendak memberhentikan rawatan kencing manis ayahnya, William dengan beliau. Haji Abdul Rahman memberitahu Danel bahawa bengkak kaki ayahnya telah surut dan memerlukan masa untuk sembuh sepenuhnya.
	Peristiwa Hajah Aisyah Tan yang gigih berusaha mencari rezeki.	Hajah Aisyah Tan gigih mengusahakan sawah padinya sehingga ke petang. Sewaktu Lili sampai di rumah neneknya, nenek Lili masih berada di sawah padinya dan mengerjakan sawah padinya dengan bantuan abang Rashid demi kelangsungan hidup.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Embong yang gigih mengatasi kemiskinan.	Keluarga Embong mengalami kemiskinan yang sungguh teruk kerana tidak mempunyai aliran wang masuk yang begitu banyak. Namun demikian, Embong tidak pernah berputus asa dan gigih berusaha untuk menjamin kesejahteraan keluarganya. Embong bekerja sebagai seorang penoreh getah dan juga memetik kelapa bagi aliran wang masuk yang lebih banyak.
	Peristiwa Dahlia yang gigih membantu jiran.	Dahlia cuba dengan sedaya upaya dan gigih membantu jirannya agar dapat hidup dalam persekitaran yang aman. Dahlia telah mempertaruhkan nyawanya dengan terjun ke dalam sungai untuk membantu jirannya, Said yang lemas. Dahlia berjaya membawanya naik ke darat namun tidak dapat menyelamatkan nyawa Said walaupun cuba menekan dadanya beberapa kali bagi mengeluarkan air dalam peparunya.

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Peristiwa Dr. Uwang yang gigih membangunkan pusat rawatan.	Peristiwa ini dapat dilihat melalui usaha Dr. Uwang yang gigih membangunkan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) daripada sebuah pusat rawatan yang kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan swasta yang eksklusif.
	Peristiwa seorang doktor yang gigih merawat pesakit.	Dr. Raiha gigih merawat Unong Siron dengan meneliti Sinar-X tulang sendi pinggul Unong Siron beberapa kali untuk memastikan pembedahan yang akan dilakukannya ke atas Unong Siron kali keenam itu berjaya. Dr. Raiha juga datang ke hospital semula pada waktu malam untuk melihat Unong Siron setelah selesai pembedahan.
Bimasakti Menari	Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman yang gigih dalam melestarikan alam sekitar.	Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman gigih berusaha untuk melestarikan alam sekitar dengan memperkenalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat dengan mata kasar semula.
	Peristiwa Nurul Hafsa yang gigih melaksanakan tugas mereka.	Nurul Hafsa gigih berusaha untuk memastikan pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap dapat dilakukan di hadapan Menteri Besar. Nurul Hafsa berusaha dengan gigih agar pembentangan itu nanti dapat meyakinkan Menteri Besar sekali gus projek tersebut dapat dilaksanakan di Kuala Selangor.

[*Lihat halaman sebelah*

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Bahagian C: Rumusan

[30 *markah*]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

(a) Isi - **20** markah
(b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Pendahuluan - 2 markah
Isi (8 isi) - 16 markah
Kesimpulan - 2 markah

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
- perkataan berganda/ berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa.**

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi lengkap sahaja.

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Pengiraan Isi

Bahagian Isi	Bilangan isi calon	Bilangan isi diterima (cadangan)						Markah maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								16
Fokus 1 (manfaat/ faedah)	6	6	5	5	4	4	3	
Fokus 2 (usaha/ langkah)	3	1	1	2	2	3	3	
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 1 (manfaat/ faedah)	3	1	2	1	2	1	2	
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	
Penutup/ kesimpulan								2
							Jumlah markah	20

(b) **Bahasa** [10 markah]
Markah bahasa dinilai secara **holistik**:

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	- Kesinambungan isi *sangat* baik. - Bahasa *sangat* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolaha *sangat* menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7	- Kesinambungan isi baik. - Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat. Pengolaha *masih* menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4	- Kesinambungan isi *kurang* baik. - Bahasa *kurang* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat. Pengolaha *kurang* menarik dan berkesan.
Lemah	1 – 2	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

[*Lihat halaman sebelah*
 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

Nota:

(i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.

(ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).

(iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.

(iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.

(v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Pendahuluan [2 markah]		**Markah**
P1	Rumusan/ Petikan membincangkan **(Fokus 1)** *manfaat/ faedah/ kelebihan/ kebaikan/ kepentingan* amalan menabung dan **(Fokus 2)** *usaha/ langkah/ cara* memupuk amalan menabung.	2
P2	Rumusan/ Petikan membincangkan **(Fokus 1)** *manfaat/ faedah/ kelebihan/ kebaikan/ kepentingan* amalan menabung.	1
P3	Rumusan/ Petikan membincangkan **(Fokus 2)** *usaha/ langkah/ cara* memupuk amalan menabung.	1
P4	Rumusan/ Petikan membincangkan amalan menabung.	0

Isi [16 markah]

Bahan 1 (Petikan)

Fokus 1 – (manfaat/ faedah/ kebaikan/ kepentingan amalan menabung):		**Markah**
A1	membolehkan seseorang itu **merencanakan masa hadapan** dengan ekonomi yang kukuh dan mapan.	2
A2	para **remaja** juga boleh **menggunakan wang tabungan** untuk membeli buku rujukan.	2
A3	para **pelajar** dapat **menampung perbelanjaan persekolahan**.	2
A4	**ibu bapa tidak perlu lagi bergolok bergadai** untuk membiayai kos pendidikan anak-anak (yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi).	2
A5	**seseorang** itu dapat **mempersiapkan diri** menghadapi sebarang kemungkinan terutama waktu kecemasan.	2
A6	dapat mendidik diri sentiasa **berjimat cermat**.	2

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.

		Markah
Bahan 1 (Petikan)		
Fokus 2 – (usaha/ langkah/ cara memupuk amalan menabung):		
B1	kebijaksanaan dalam **membuat belanjawan** kewangan.	2
B2	individu menabung mengikut **warna wang**.	2
B3	**mengelakkan sikap boros** berbelanja.	2

		Markah
Bahan 2 (Info Grafik)		
Fokus 2 – (usaha/ langkah/ cara memupuk amalan menabung):		
C1	memberikan pendedahan kepada anak-anak tentang amalan menabung.	2
C2	membuka akaun menabung untuk anak-anak.	2
C3	menerangkan kepentingan amalan menabung.	2

Kesimpulan [2 markah]		**Markah**
K1	Kesimpulannya, semua pihak perlulah memupuk amalan menabung sejak awal agar dapat melahirkan generasi yang bijak menguruskan perbelanjaan.	2
K2	Kesimpulannya, amalan menabung ini perlu dipupuk sejak awal agar dapat melahirkan generasi yang bijak menguruskan perbelanjaan.	2
K3	Semua pihak perlulah memupuk amalan menabung sejak kecil.	1
K4	Kesimpulannya, semua pihak perlulah menyokong pelaksanaannya. **(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**	0

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

 © 2022 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA.